



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN BONANZA FUNTASTIK
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 15/09/2025 dan ditutup jam 23:59:59 pada 14/12/2025.
4. <u>Kelayakan:</u>	<ol style="list-style-type: none">Promosi ini adalah program untuk pendaftaran ahli Nestlé Home of Good dan terbuka kepada semua penduduk sah di Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi ("Peserta").Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri.
5. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none">TIADA PEMBELIAN diperlukan untuk menyertai Promosi ini.Untuk menyertai Promosi ini:<ul style="list-style-type: none">- Peserta perlu memastikan pendaftaran mereka sebagai ahli <i>Nestlé Home of Good</i> ("Ahli NHG") melalui Borang Peraduan di Laman Web Promosi berjaya diselesaikan dalam Tempoh Promosi; dan- Melengkapkan permainan dalam talian <i>Jom Shopping</i> ("Permainan <i>Jom Shopping</i>") dengan memperoleh sekurang-kurangnya 5 mata.Pendaftaran hendaklah dibuat melalui Borang Peraduan Laman Web Promosi di pautan berikut: https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/peraduan-bonanza-funtastik ("Borang Peraduan Laman Web Promosi").Hanya satu (1) kaedah penyertaan dalam Promosi ini, iaitu melalui Borang Peraduan Laman Web Promosi. Semua kaedah penyertaan lain akan disingkirkan. <p><u>Langkah 1: Daftar sebagai Ahli Nestlé Home of Good</u></p> <ol style="list-style-type: none">Peserta hendaklah melengkapkan semua butiran wajib yang dinyatakan di dalam Borang Peraduan Laman Web Promosi di pautan berikut: https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/peraduan-bonanza-funtastik dan klik "Seterusnya".

Langkah 2: Lengkapkan Permainan *Jom Shopping*

- f. Peserta akan diberikan masa 20 saat untuk melengkapkan Permainan *Jom Shopping*.
- g. Dalam Permainan *Jom Shopping* ini, Peserta dikehendaki:
- Menangkap sebanyak mungkin produk Nestlé menggunakan troli belah maya — setiap tangkapan yang berjaya akan mendapat +5 mata.
 - Elakkan objek bukan Nestlé (objek rawak), kerana setiap tangkapan akan menyebabkan tolakan -2 mata.



- Pada akhir tempoh 20 saat, Peserta hendaklah menghantar markah yang diperoleh untuk melengkapkan penyertaan mereka



- h. Markah permainan tidak akan menjelaskan kelayakan untuk memenangi Hadiah. Selagi Peserta merupakan Ahli NHG dan telah memperoleh sekurang-kurangnya 5 mata dalam Permainan *Jom Shopping* sepanjang Tempoh Promosi, mereka berpeluang untuk memenangi hadiah.

	<ul style="list-style-type: none"> i. Setiap Peserta hanya boleh mendaftar satu (1) kali sebagai Ahli NHG. Setiap Ahli NHG yang unik yang mendaftar melalui Borang Peraduan Laman Web Promosi hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. j. Setiap Peserta yang unik ditakrifkan sebagai individu dengan nombor pengenalan yang tersendiri (contohnya, Kad Pengenalan (MyKad), ID Polis, atau ID Angkatan Tentera). k. Pengajur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan yang tidak sah, tidak lengkap, duplikasi, kabur, rosak, telah diubah suai atau dimodifikasi dalam apa jua cara tanpa sebarang notis awal kepada Peserta. l. Pengajur akan mengumpul dan memproses semua Penyertaan bagi tujuan pengesahan serta penilaian kelayakan. Pengajur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi Terma & Syarat, namun tidak terhad kepada: maklumat peribadi yang tidak sepadan atau tidak lengkap, penyertaan yang tidak jelas, atau penyertaan duplikasi berdasarkan Kad Pengenalan (NRIC) atau nombor telefon bimbit. Semua penyertaan akan disemak bagi memastikan tiada penggandaan berdasarkan maklumat wajib yang dikemukakan dalam Borang Penyertaan. Sebarang penyertaan berganda dan/atau tidak memenuhi kriteria kelayakan boleh dibatalkan tanpa notis awal kepada Peserta, mengikut budi bicara mutlak Pengajur.
6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Pengajur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 14/12/2025. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
7. <u>Peruntukan Nombor Siri bagi Penyertaan Layak</u>	Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis, Pengajur akan menetapkan nombor siri kepada setiap Penyertaan Layak. Setiap Penyertaan Layak hanya akan diberikan satu (1) nombor siri sahaja.
8. <u>Peraduan Bonanza FUNtastic: Hadiah</u>	<ul style="list-style-type: none"> a. Setiap Peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sepanjang keseluruhan Tempoh Promosi. b. Sebanyak tiga ratus enam (306) Hadiah ditawarkan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi: <ul style="list-style-type: none"> i. Satu (1) Hadiah Utama: Skuter Urban 160cc (versi 2025; enjin 156.9cc; Petrol; warna tertakluk kepada ketersediaan daripada wakil pengedar; Harga Atas Jalan) bernilai RM13,549.00; ATAU Skuter Retro 125cc (enjin 125cc; Petrol; warna tertakluk kepada ketersediaan daripada wakil pengedar; Harga Atas Jalan) bernilai RM14,900.00. ii. Lima (5) Hadiah Kedua: Baucar Gaya Hidup Moden (boleh ditebus di cawangan penyedia baucar) bernilai RM2,000.00 setiap satu; ATAU Baucar Percutian Idaman (sah untuk Penerbangan, Hotel, Penerbangan +

	<p>Hotel, dan <i>Xperience</i>/ Aktiviti Pelancongan, boleh ditebus di platform penyedia baucar) bernilai RM2,000.00 setiap satu.</p> <p>iii. Satu ratus (100) Hadiah Ketiga: Hadiah wang tunai bernilai RM250.00 setiap satu.</p> <p>iv. Dua ratus (200) Hadiah Saguhati: e-Baucar Shopee (boleh ditebus di Nestlé (Sold by Shopee) di Shopee di https://shopee.com.my/nestle.soldbyshopee), bernilai RM100.00 setiap satu.</p> <p>c. Kategori Hadiah Utama dan Hadiah Kedua akan tertakluk kepada syarat tambahan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. setiap pemenang yang terpilih berhak memilih satu (1) pilihan hadiah dalam kategori hadiah masing-masing, daripada pilihan yang telah ditentukan oleh Penganjur; dan ii. satu (1) isi rumah (dengan alamat rumah yang sama) hanya layak memenangi satu (1) hadiah daripada kategori Hadiah Utama atau Hadiah Kedua.
9. <u>Kriteria Pemilihan Hadiah</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis, Penganjur akan menetapkan nombor siri kepada setiap Penyertaan Layak, bermula dengan nombor siri “1”</p> <p>b. Pada akhir Tempoh Promosi, nombor siri bagi setiap Penyertaan Layak akan direkod dan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah keseluruhan penyertaan layak (“Jumlah Penyertaan Layak”). Finalis akan dipilih berdasarkan urutan nombor siri dengan menggunakan kaedah pengiraan yang membahagikan Jumlah Penyertaan Layak dengan jumlah hadiah yang diperuntukkan untuk setiap kategori. Selepas pemilihan bagi setiap kategori Hadiah, Penyertaan Layak Finalis tersebut akan dikecualikan daripada pemilihan bagi kategori hadiah seterusnya.</p> <p>c. Jika hasil pembahagian menghasilkan nombor perpuluhan, nombor tersebut akan dibundarkan ke bawah. Contohnya, $1,020 \div 25 = 40.8$ akan dibundarkan kepada 40.</p> <p>d. Jika nombor siri yang dipilih bagi kategori Hadiah Utama atau Hadiah Kedua merujuk kepada alamat rumah yang sama lebih daripada sekali, nombor siri seterusnya daripada peserta yang lain akan dipilih sebagai Finalis.</p> <p>e. Sekiranya Jumlah Penyertaan Layak adalah sebanyak 1,000, pemilihan akan dibuat berdasarkan contoh pengiraan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemilihan satu (1) Finalis Hadiah Utama: $1,000 \div 2 = 500$. Nombor siri yang menang ialah 500. Setelah dipilih, Peserta yang berkenaan dan semua penyertaan lain milik mereka akan dikecualikan daripada senarai penyertaan sebelum proses pemilihan bagi Hadiah seterusnya dijalankan.

	<p>ii. Pemilihan lima (5) Finalis Hadiah Kedua: Senarai penyertaan yang tinggal (selepas pengecualian Finalis Hadiah Pertama dan semua penyertaan mereka) akan digunakan untuk pengiraan seterusnya. Contohnya, jika terdapat 999 penyertaan yang tinggal: $999 \div 5 = 199.8$ dan dibundarkan kepada 199. Nombor siri yang memenangi adalah 199, 398, 597, 796 dan 995. Setelah dipilih, Peserta yang berkenaan dan semua penyertaan lain milik mereka akan sekali lagi dikecualikan sebelum proses pemilihan bagi Hadiah seterusnya dijalankan.</p> <p>iii. Pemilihan satu ratus (100) Finalis Hadiah Ketiga: Senarai penyertaan yang tinggal (selepas pengecualian Finalis Hadiah Kedua dan semua penyertaan mereka) akan digunakan untuk pemilihan Hadiah Ketiga. Contohnya, jika terdapat 994 penyertaan yang tinggal: $994 \div 100 = 9.94$ dan dibundarkan kepada 9. Nombor siri yang memenangi adalah 9, 18, 27, 36 dan seterusnya sehingga satu ratus (100) Finalis Hadiah Ketiga dipilih. Setelah dipilih, Peserta yang berkenaan dan semua penyertaan lain milik mereka akan sekali lagi dikecualikan sebelum proses pemilihan bagi Hadiah seterusnya dijalankan.</p> <p>iv. Pemilihan dua ratus (200) Finalis Hadiah Saguhati: Senarai penyertaan yang tinggal (selepas pengecualian Finalis Hadiah Ketiga dan semua penyertaan mereka) akan digunakan untuk pemilihan Hadiah Saguhati. Contohnya, jika terdapat 894 penyertaan yang tinggal: $894 \div 200 = 4.47$ dan dibundarkan kepada 4. Nombor siri yang memenangi adalah 4, 8, 12, 16 dan seterusnya sehingga dua ratus (200) Finalis Hadiah Saguhati dipilih.</p>
10. <u>Terma Tambahan:</u>	<p>a. Pengajur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari +601168301621 (diuruskan oleh penyedia perkhidmatan kami, MediaCliQ) ke nombor telefon bimbit yang diterima oleh Pengajur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Pengajur dengan betul, dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas mesej dihantar. Kegagalan untuk memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan dan/atau dengan jawapan yang betul akan mengakibatkan pembatalan hadiah. Pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis tidak dapat dihubungi melalui WhatsApp atas sebarang sebab. Finalis yang menjawab soalan dengan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dianggap sebagai Pemenang.</p> <p>b. Semua Pemenang mesti memberikan maklumat peribadi yang lengkap dan tepat seperti yang diminta oleh Pengajur bagi tujuan penebusan hadiah. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan hadiah dibatalkan. Pengajur berhak membatalkan sebarang Penyertaan atau kelayakan Pemenang sekiranya maklumat peribadi (termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan, dan nombor telefon bimbit) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa.</p> <p>c. Pengajur berhak untuk meminta Pemenang menghantar Nombor Kad Pengenalan (NRIC) dalam format teks bagi tujuan pengesahan sebelum</p>

	<p>penebusan hadiah dilakukan ke nombor WhatsApp yang ditetapkan, iaitu +601168301621.</p> <p>Kegagalan untuk mematuhi permintaan ini akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan hadiah. Sekiranya Penganjur mengesyaki sebarang unsur penipuan, pemalsuan, atau penyerahan dokumen tidak sah, Penganjur berhak membatalkan hadiah tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> d. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan dalam notifikasi pemenang oleh Penganjur akan dibatalkan. e. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh mana-mana penyedia pihak ketiga atau penganjur yang terlibat dalam pengurusan atau penebusan hadiah, termasuk sebarang syarat yang berkaitan dengan hadiah itu sendiri. f. Terma & Syarat bagi Hadiah Utama: Skuter Urban 160cc ATAU Skuter Retro 120cc, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut: - <ul style="list-style-type: none"> i. Pemenang dikehendaki menuntut Hadiah Utama daripada wakil pengedar yang ditetapkan. Sebarang kos berkaitan dengan penuntutan hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan, kos luar kawasan, dan caj lain yang berkaitan, akan ditanggung oleh Pemenang. ii. Pemenang akan diberikan Surat Penuntutan untuk menebus hadiah. Pemenang dikehendaki mengemukakan Kad Pengenalan (NRIC) semasa penebusan hadiah bagi tujuan pengesahan penerima yang betul. iii. Sekiranya Kad Pengenalan (NRIC) yang dikemukakan tidak sepadan dengan NRIC yang dinyatakan dalam Surat Penuntutan, Wakil Pengedar berhak untuk menolak proses penebusan hadiah. iv. Pemenang dikehendaki menyertai sesi bergambar semasa penebusan hadiah sebagai bukti. Penganjur berhak menggunakan gambar ini di media sosial dan kandungan laman web berkaitan Promosi ini. Borang persetujuan akan diberikan kepada Pemenang untuk mendapatkan kebenaran mereka bagi tujuan penggunaan tersebut. g. Penggunaan Hadiah Kedua – Baucar Gaya Hidup Moden akan tertakluk kepada terma dan syarat yang dicetak pada/dilampirkan bersama baucar tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Baucar boleh ditebus di semua cawangan penyedia baucar di Malaysia dan hanya boleh digunakan untuk pembelian barang yang dijual di cawangan penyedia baucar. Ia tidak boleh ditebus bagi sebarang aktiviti atau transaksi lain di luar tujuan ini. ii. Baucar ini sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh dikeluarkan (tempoh sah yang tepat akan dimaklumkan dalam mesej penyerahan hadiah). iii. Baucar hanya boleh digunakan satu (1) kali sahaja. <ul style="list-style-type: none"> - Baucar ini berbentuk kad fizikal. Penganjur akan menghubungi Pemenang melalui WhatsApp daripada nombor +601168301621 untuk meminta
--	---

	<p>butiran penghantaran, termasuk alamat surat-menyurat. Hadiah akan dihantar melalui perkhidmatan kurier ke alamat yang diberikan.</p> <p>h. Penggunaan Hadiah Kedua – Baucar Percutian Idaman akan tertakluk kepada terma dan syarat yang dicetak pada/dilampirkan bersama baucar tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baucar ini sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh pembelian (tempoh sah yang tepat akan dimaklumkan dalam mesej penyerahan hadiah). ii. Baucar boleh digunakan untuk Penerbangan, Hotel, Penerbangan + Hotel, dan Xperience di platform penyedia baucar. <ul style="list-style-type: none"> i. Penerbangan: Merujuk kepada tempahan perjalanan udara — sama ada tiket sehala atau pergi balik. ii. Hotel: Termasuk tempahan penginapan seperti hotel, resort, apartmen, vila, homestay, dan jenis penginapan lain. iii. <i>Xperience</i>/ Aktiviti Pelancongan: Termasuk pas masuk tarikan, tiket taman tema, tiket acara, tiket tarikan pelancong, pakej lawatan, pelayaran, taman permainan, permainan & aktiviti, sukan rekreasi, kelas & bengkel, kecantikan & spa, sebarang perkhidmatan tambahan berkaitan perkara yang disebut, serta lain-lain perkhidmatan pengalaman yang ditetapkan oleh penyedia baucar sebagai sebahagian daripada Aktiviti Perjalanan. iii. Pemenang mesti mendaftarkan akaun pengguna di platform penyedia baucar untuk menebus baucar. iv. Baucar tidak boleh ditukar ke wang tunai. v. Setiap kod baucar hanya sah untuk satu (1) kali penggunaan sahaja. Sekiranya nilai transaksi melebihi nilai nominal baucar, perbezaan hendaklah dibayar oleh Pemenang. Sekiranya nilai transaksi kurang daripada nilai nominal baucar, baki selebihnya tidak akan dikembalikan (tidak boleh ditebus semula). vi. Baucar ini tidak boleh digunakan dengan sebarang tambahan (contohnya insurans, bagasi tambahan dan lain-lain), yuran penjadualan semula, yuran ansuran dan apa-apa caj tambahan lain yang dikenakan berhubung dengan transaksi tersebut. vii. Baucar yang telah digunakan tidak akan diberikan bayaran balik dan tidak boleh dijadualkan semula, kecuali dalam keadaan luar jangka (contohnya pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan) atau lain-lain keadaan atas budi bicara penyedia baucar. - Baucar akan dihantar oleh Penganjur kepada Pemenang melalui WhatsApp daripada nombor +601168301621 ke nombor telefon bimbit Pemenang yang dikemukakan melalui Borang Peraduan Laman Web Promosi. <p>i. Terma & Syarat bagi Hadiah Ketiga: Hadiah Wang Tunai, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kaedah penyerahan lalai bagi Hadiah Ketiga adalah melalui Pemindahan Wang Secara Dalam Talian.
--	---

- ii. Penganjur akan menghubungi Pemenang melalui WhatsApp daripada nombor +601168301621 ke nombor telefon bimbit Pemenang yang dikemukakan melalui Borang Peraduan Laman Web Promosi untuk meminta butiran berikut bagi tujuan pemindahan wang secara dalam talian: nama penuh Pemenang seperti dalam NRIC, nombor NRIC (dalam format teks), nama bank, dan nombor akaun bank.
- j. Penggunaan Hadiah Saguhati: e-Baucar Shopee akan tertakluk kepada terma dan syarat yang dicetak pada/dilampirkan bersama baucar tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
- i. e-Baucar Shopee adalah sah untuk tempoh enam (6) bulan (tempoh sah yang tepat akan dimaklumkan dalam mesej penyerahan hadiah).
 - ii. e-Baucar Shopee hanya boleh ditebus melalui Nestlé (Sold by Shopee) di Shopee di pautan <https://shopee.com.my/nestle.soldbyshopee>.
 - iii. Tiada pembelian minimum yang diperlukan untuk penggunaan e-Baucar Shopee.
 - iv. Penggunaan e-baucar ini akan tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang ditetapkan oleh Shopee.
 - Baucar akan dihantar oleh Penganjur kepada Pemenang melalui WhatsApp daripada nombor +601168301621 ke nombor telefon bimbit Pemenang yang dikemukakan melalui Borang Peraduan Laman Web Promosi.
- k. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah atau surat tidak dapat dihantar disebabkan nombor telefon dan/atau alamat penghantaran yang salah, telah ditukar, atau tidak sah seperti yang dikemukakan oleh Peserta.
- l. Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan item lain yang bernilai setara pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
- m. Penganjur berhak untuk menukar kaedah penyerahan Hadiah yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara mutlak Penganjur.
- n. Pengumuman pemenang akan dipaparkan di laman social media Penganjur: <https://www.facebook.com/nestlehomeofgood> dan laman web rasmi Penganjur di: <https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/peraduan-bonanza-funtastik> enam (6) ke lapan (8) minggu dari tarikh tutup Tempoh Promosi.
- o. Semua Hadiah diberikan dalam keadaan “seadanya” dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, barang lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/good-deals/peraduan-bonanza-funtastik>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam

talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kikitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
 - (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
 - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
 - (a) menjaskan, telah atau cuba menjaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran

- dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjut, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Pengajur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.